

**SOALAN NO: 31**

Sekiranya pengguna memerlukan khidmat pemasangan oleh kontraktor pemasangan yang berdaftar dengan syarikat MYTV Broadcasting Sdn Bhd ("MYTV"), kos pemasangan yang merangkumi satu (1) unit aerial UHF, kabel dan alat penyambung (connectors) adalah sebanyak RM180.

Manakala bagi yang hanya memerlukan bantuan teknikal tanpa melibatkan antenna dan pemasangan, caj minimum RM50 akan dikenakan oleh MYTV.

Bagi penerima-penerima BR1M, dekoder MYTV akan diberikan secara percuma manakala bagi pengguna yang tidak layak menerima 'Set Top Box' MYTV percuma, mereka boleh mendapatkannya dipasaran melalui pengedar-pengedar yang sah di kedai-kedai elektronik.

Harga seunit 'Set Top Box' MYTV yang dijual dipasaran yang pada asalnya berharga RM300 telah diturunkan pada kadar yang lebih murah iaitu RM199.

63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 6 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 32**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status kajian yang telah dijalankan oleh MAVCOM untuk mengkaji sama ada harga siling dapat dikenakan ke atas harga tiket penerbangan untuk meringankan beban rakyat terutama rakyat dari Sibu dan Sarawak dan bilakah hasil kajian dapat diumumkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sedang melaksanakan kajian penetapan harga tambang yang dijangka akan selesai sebelum pertengahan tahun 2018.

Walau bagaimanapun, bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings ke semua laluan Perkhidmatan Luar Bandar, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.